

01 OCT 2003

TELEKOM-JARING

TELEKOM MULAKAN RUNDINGAN PEMILIKAN JARING

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Telekom Malaysia merancang untuk memulakan rundingan bagi pemilikan Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP), JARING, kata pengerusi Tan Sri Ir Md Radzi Mansor, di sini, hari ini.

"Kami perlu memastikan semuanya tersedia terlebih dahulu seperti apa yang kami lakukan dengan penggabungan Celcom," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat lembaga dan penasihat bagi Meja Bulat Malaysia Korporat, di sini, hari ini.

Beliau berkata sebaik sahaja semua pihak telah bersedia, barulah Telekom akan memulakan rundingan.

Md Radzi berkata sekarang bukanlah masa yang sesuai lagi untuk "membincangkan sebarang formula."

Dipercayai Telekom Malaysia telahpun menghantar surat kepada Kementerian Kewangan untuk memulakan rundingan bagi pemilikan itu.

Menurut satu sumber pasaran yang boleh dipercayai, sebaik sahaja kelulusan diperolehi, Telekom akan terus memulakan proses rundingan tersebut.

Md Radzi berkata demikian apabila ditanya mengenai Bajet 2004 baru-baru ini di mana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, mengumumkan penggabungan kedua-dua ISP itu bagi memastikan perkhidmatan internet yang lebih cekap dan meluas di negara ini.

TMNet, anak syarikat Telekom Malaysia dibentuk untuk menerajui semua perkhidmatan berkaitan internet di Malaysia berikutan pelantikan syarikat itu sebagai penyedia perkhidmatan Internet di Malaysia.

Jaring, akronim bagi projek Joint Advanced Research Integrated Networking, adalah akses internet pertama dan utama di Malaysia dan dimaju serta diuruskan oleh MIMOS Bhd.

Semasa Bajet 2004 Dr Mahathir berkata bagi memastikan perkhidmatan internet yang lebih cekap dan meluas pada kadar yang rendah, Jaring akan digabungkan dengan TMNet.

Telekom Malaysia akan mengurangkan caj akses internet serta akses kepada internet jalur lebar.

Syarikat itu akan menyediakan diskaun 50 peratus bagi pakej perindustrian dan korporat bermula dengan 30 peratus bagi Fasa I dan 20 peratus lagi bagi Fasa II. -- BERNAMA

TNS KTC ZK